



SIARAN DALAMAN
BUDAYA KERJA PERKHIDMATAN AWAM DI POLITEKNIK KUALA
TERENGGANU SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB)

YAB Perdana Menteri dalam perutusan khasnya pada 11 Januari 2021 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan selama 14 hari berkuat kuasa mulai **13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021**.

Merujuk kepada Surat Edaran JPA. 100-1/4/2 (15), bertarikh 12 Januari 2021 (Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan), pejabat-pejabat Kerajaan diarahkan beroperasi sepenuhnya dengan kehadiran pegawai maksimum 30%.

Walau bagaimanapun, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan penjawat awam sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020.

SOP PKPB yang dikeluarkan oleh MKN termasuk semua arahan oleh pihak berkuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Semua kakitangan di PKT perlu memastikan semua SOP keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan menyediakan *hand sanitizer*.

DR. HAJI MOHD DAUD BIN ISA
Pengarah
Politeknik Kuala Terengganu
12 JANUARI 2021